



JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA

**GARIS PANDUAN
TAWARAN GERAN
PENYELIDIKAN PERAKAUNAN
DAN KEWANGAN SEKTOR AWAM
TAHUN 2022**

**Tarikh Tutup:
10 Januari 2022**

INSTITUT PERAKAUNAN NEGARA JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA

1.0 PENDAHULUAN

Dokumen Garis Panduan Tawaran Geran Penyelidikan Perakaunan dan Kewangan Sektor Awam Tahun 2022 disediakan sebagai rujukan dan panduan bagi permohonan geran penyelidikan di bawah Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM).

Tawaran Geran Penyelidikan ini bertujuan menggalakkan pelaksanaan projek penyelidikan berkaitan sektor awam bagi pembangunan kewangan dan perakaunan dari segi teori, konsep dan amalan perakaunan sektor awam serta mendokumentasikan maklumat-maklumat empirikal yang boleh menyumbang kepada pembangunan amalan perakaunan sektor awam.

2.0 PERMOHONAN

2.1 Syarat Am Permohonan

Tawaran ini terbuka kepada golongan penyelidik/akademik dari Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) dengan syarat-syarat berikut:

- i) Warganegara Malaysia;
- ii) Mempunyai Ijazah Kedoktoran Falsafah (PhD) (Ketua Penyelidik);
- iii) Penyelidikan mesti mengikut bidang yang ditawarkan;
- iv) Hanya warganegara bertaraf pekerja tetap dibenarkan mengetuai projek;
- v) Hanya satu kertas cadangan dibenarkan bagi setiap pemohon; dan
- vi) Penilaian akan dibuat oleh Jawatankuasa Penyelidikan Perakaunan Sektor Awam. Keputusan Jawatankuasa adalah muktamad

2.2 Tatacara Permohonan

Borang Permohonan Geran Penyelidikan boleh dimuat turun daripada laman web <http://jurnal.ipn.gov.my>.

Borang Permohonan Geran Penyelidikan (IPNCPD/RGAF/01/2020) dan kertas cadangan lengkap perlu dikemukakan kepada pihak sekretariat di alamat berikut:

Unit Pembangunan Penyelidikan
Pusat Pembangunan Profesional (IPNCPD)
Institut Perakaunan Negara
Tingkat 1, Menara 2, Wisma Mustapha Kamal
Neocyber, Cyber 12
63000 Cyberjaya
Selangor.

Sesalinan permohonan boleh juga dikemukakan melalui emel research@anm.gov.my.

2.3 Tarikh Tutup Permohonan

Permohonan lengkap hendaklah diterima oleh sekretariat selewat-lewatnya 10 Januari 2022. Hanya pemohon yang disenarai pendek sahaja akan dihubungi untuk tujuan pembentangan kertas cadangan. Keputusan akan dimaklumkan dalam tempoh dua bulan selepas tarikh tutup permohonan.

3.0 BIDANG PENYELIDIKAN

3.1 Bidang Penyelidikan dalam konteks sektor awam yang menjadi keutamaan adalah seperti berikut:

- i) Perakaunan dan Pelaporan Kewangan
- ii) Perakaunan Pengurusan
- iii) Pengurusan Kewangan dan Kawalan
- iv) Belanjawan
- v) Pengurusan dan Pengukuran Prestasi
- vi) Pengauditan
- vii) Pengurusan Risiko

3.2 Penyelidikan yang dicadangkan boleh melibatkan bidang keutamaan di Para 3.1 melalui salah satu bentuk kajian seperti berikut:

- i) Kajian potensi dan/atau impak Revolusi Industri terhadap perkhidmatan perakaunan sektor awam;
Elemen yang boleh dikaji contohnya Disruptive Technology.

- ii) Kajian model perniagaan untuk kelestarian pengurusan kewangan negara dan pentadbiran sektor awam;
Elemen yang boleh dikaji contohnya pengurusan fiskal, pengurusan tunai dan pengurusan sumber.
- iii) Kajian merealisasikan *Environmental, Social and Governance (ESG)* dan/atau *Sustainability Development Goals (SDG)* daripada perspektif sektor awam;
Elemen yang boleh dikaji contohnya perbandingan dengan negara lain dan cadangan pelaksanaan.
- iv) Kajian amalan perakaunan dan kewangan sektor awam;
Elemen yang boleh dikaji contohnya penyeragaman pemakaian standard perakaunan, perbandingan pelaksanaan dasar/polisi perakaunan dan kewangan antara negara dan cadangan amalan terbaik pelaksanaan.
- v) Kajian tahap kebergunaan Laporan Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan;
Elemen yang boleh dikaji contohnya kefahaman dan aplikasi maklumat Laporan Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan dalam pembuatan keputusan di kalangan pemegang taruh.
- vi) Kajian pelaksanaan perakaunan pengurusan;
Elemen yang boleh dikaji contohnya keperluan dan kesesuaian pelaksanaan mengikut aktiviti perkhidmatan sektor awam bagi menilai aspek kerelevanan dan kebergunaan dalam pembuatan keputusan.
- vii) Kajian pemakaian *Malaysian Public Sector Accounting Standards (MPSAS)* oleh badan berkanun;
Elemen yang boleh dikaji contohnya kesesuaian pemakaian MPSAS oleh badan berkanun berkaitan batasan perundangan dan cabaran pelaksanaan.
- viii) Kajian pemerksaan audit dalaman sektor awam; atau
Elemen yang boleh dikaji contohnya penambahbaikan pengauditan berasaskan risiko, perakaunan forensik, kawalan dalaman, aplikasi kaedah dan amalan terbaik negara luar.
- ix) Kajian lain berkaitan perakaunan dan kewangan sektor awam.

4.0 TEMPOH PENYELIDIKAN

Tempoh penyelidikan adalah tidak melebihi **enam (6) bulan**.

5.0 PERUNTUKAN

5.1 Siling Peruntukan

Peruntukan yang dipohon hendaklah tidak melebihi siling yang telah ditetapkan iaitu **RM40,000.00**.

5.2 Penggunaan Peruntukan

Peruntukan penyelidikan hanya dibenarkan bagi perbelanjaan dalam negara seperti berikut:

- i. Upah
Upah/elaun penyelidik dan pembantu penyelidik. Kadar adalah berpandukan kepada garis panduan IPTA/IPTS masing-masing.
- ii. Perbelanjaan perjalanan dan pengangkutan
Perbelanjaan perjalanan dan pengangkutan bagi perjalanan dalam negara sahaja dan berkaitan dengan projek penyelidikan.
- iii. Perhubungan
Perbelanjaan telefon dan talian komunikasi/internet bagi tujuan penyelidikan.
- iv. Bekalan alat tulis dan bahan-bahan penyelidikan
Hanya bekalan alat tulis asas dan bahan-bahan bercetak berkaitan penyelidikan sahaja dibenarkan.
- v. Perkhidmatan ikhtisas
Perbelanjaan meliputi percetakan, perkhidmatan profesional, honorarium dan perkhidmatan lain berkaitan penyelidikan.

5.3 Pembayaran

Pembayaran akan dibuat oleh Institut Perakaunan Negara, JANM terus kepada akaun pusat/institut/fakulti/unit pengurusan penyelidikan universiti masing-masing. Kaedah pembayaran adalah berdasarkan kepada kemajuan pelaksanaan projek penyelidikan seperti berikut:

<u>Bil.</u>	<u>Peringkat Pelaksanaan</u>	<u>Bayaran Kemajuan</u>
1.	Surat Setuju Terima (dikembalikan)	25%
2.	Laporan Kemajuan Pertama & Manuskrip 1	25%
3.	Laporan Kemajuan Kedua & Draf Monograf	25%
4.	Laporan Akhir, Monograf & Manuskrip 2	25%

6.0 HASIL PENYELIDIKAN

6.1 Penerbitan

Semua penyelidik hendaklah menghasilkan dan mengemukakan laporan penuh projek penyelidikan dalam tempoh dua (2) bulan selepas projek penyelidikan tamat. Hasil penyelidikan dalam bentuk monograf perlu dikemukakan dalam bentuk *hardcopy* (2 salinan *fine binding*) dan *softcopy* (1 *pen drive* atau setara).

Penyelidik juga perlu menyumbang sekurang-kurangnya dua (2) manuskrip untuk diterbitkan dalam *IPN Journal of Research and Practice in Public Sector Accounting and Management* (ISBN 2180-4508, eISSN 2682-9347).

Penghargaan kepada JANM mestilah dinyatakan dengan jelas dalam setiap penerbitan.

6.2 Pembentangan Penyelidikan

Penyelidik yang terpilih akan membuat satu pembentangan di Kolokium Penyelidikan, Institut Perakaunan Negara (IPN). Kolokium ini dijangka diadakan pada Suku Keempat setiap tahun. Kolokium ini akan membentangkan hasil penyelidikan, rumusan dan implikasi penyelidikan ke atas pembangunan teori, konsep dan amalan perakaunan dan kewangan sektor awam.

6.3 Hak Cipta

Harta Intelek yang terbit daripada projek penyelidikan ini adalah menjadi hak milik bersama antara Kerajaan Malaysia yang diwakili oleh IPN, Jabatan Akauntan Negara Malaysia dan Penyelidik/ IPTA/IPTS.

7.0 DOKUMEN PERJANJIAN

Projek Penyelidikan yang terpilih akan diwajibkan menandatangani dokumen perjanjian bagi memastikan projek penyelidikan yang dilaksanakan mengikut terma dan syarat yang ditetapkan antara JANM dan Penyelidik/IPTA/IPTS.

Sebarang pertanyaan/ maklumat tambahan boleh diajukan kepada:

Unit Pembangunan Penyelidikan
Pusat Pembangunan Profesional (IPNCPD)
Institut Perakaunan Negara
Tingkat 1, Menara 2, Wisma Mustapha Kamal
Neocyber, Cyber 12
63000 Cyberjaya
Selangor
Telefon: 03- 8324 4400
Emel: research@anm.gov.my